

Ms.28 Jumaat, 17 November 2017 BH

→ KESIHATAN



MACCOPS bakal diangkat sebagai penjenamaan antarabangsa dalam Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017"

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA



Objektif penubuhan PLRA adalah untuk melatih lebih ramai paramedik dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pesakit"

Dr Azreen Syazril Adnan,
Pakar Perunding Nefrologi dan Perubatan

ANGKASA lancar pusat latihan Renal



Latih ramai paramedik mahir dalam perkhidmatan dialisis

Oleh Rozdan Mazalan dan Syalikha Sazili
bhnews@bh.com.my.

Petaling Jaya

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) melancarkan Pusat Latihan Renal ANGKASA (PLRA) yang berfungsi sebagai pusat integrasi latihan klinikal dan bukan klinikal bagi melatih lebih ramai paramedik mahir dalam perkhidmatan dialisis.

ANGKASA yang mempunyai jaringan dengan 12 koperasi yang menawarkan pusat dialisis, mempunyai keperluan untuk melatih paramedik.

Pengerusi Koperasi Doktor Pakar Kesihatan dan Perubatan Kelantan Berhad, Prof Madya Dr Azreen Syazril Adnan, berkata usaha ini juga adalah bagi meningkatkan lagi jumlah pusat dialisis di samping mempunyai paramedik yang mahir dalam bidang Nefrologi.

Beliau yang juga Pakar Perunding Nefrologi dan Per-

ubatan berkata, jumlah pesakit buah pinggang dalam negara meningkat setiap tahun iaitu dalam sejuta masyarakat lebih 1,200 individu menjalani rawatan dialisis.

"Objektif penubuhan PLRA adalah untuk melatih lebih ramai paramedik dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pesakit."

Modul selaras SOP
"Disamping itu kami juga sedang mengusahakan satu modul yang menyelaraskan SOP untuk mendapat pengiktirafan dan boleh diguna pakai secara seragam.

"Ada pelbagai lagi aktiviti yang dijalankan PLRA seperti khidmat perunding, latihan program 'post basic renal' bagi siswazah yang menamatkan latihan kejururawatan dan khidmat pembelian berpusat," katanya pada majlis pelancaran PLRA di sini, semalam.

Yang turut diadakan majlis mandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ANGKASA dan Fresenius Medical Care Malaysia Sdn Bhd.

MoU terbabit berfungsi untuk mengukuhkan Coop-Dialisis yang menyediakan kemudahan tenaga mahir dan separuh mahir dalam perkhidmatan dialisis.

Sasar 50 Coop-Dialisis
PLRA juga turut menyasarkan penubuhan 50 Coop-Dialisis masa akan datang.

Sementara itu, Presiden ANGKASA, Datuk Abdul

Fattah Abdullah, selepas majlis Perasmian MACCOPS yang berlangsung di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, di sini kelmarin, berkata, penganjuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) bakal diangkat sebagai penjenamaan antarabangsa di dalam Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 untuk dijadikan pengisian tetap pada persidangan akan datang.

Beliau berkata, cadangan itu disuarakan Pengerusi Koperasi Antarabangsa, Monique F Leroux yang mahu usul itu dibentangkan di dalam ICA 2017 selepas mengagumi penganjuran MACCOPS menepati objektif dalam membuka jaringan kerjasama antara gerakan koperasi seluruh dunia.

"Monique sendiri mengiktiraf penganjuran MACCOPS dan penjenamaan itu boleh diketengahkan untuk diusulkan di dalam persidangan ICA 2017. Bagi pihak ANGKASA kita mahu jadikan MACCOPS sebagai penjenamaan antarabangsa sebagai landasan untuk memasarkan dan memperkenalkan produk koperasi seluruh dunia.

"Ini selepas mereka melihat penganjuran kali ini yang mengiktiraf Malaysia sebagai tuan rumah persidangan ICA 2017 tidak hanya membincangkan hal-hal dunia dan koperasi semata," katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia